



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 9 OKTOBER 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

**KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Syor hapus harga kawalan barangan keperluan asas

Kaedah sebagai penambahbaikan kepada struktur ekonomi susulan nilai ringgit kukuh

Oleh Suzalina Hafid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disaran menghapuskan harga kawalan terhadap barangan keperluan asas bagi menstabilkan semua harga pasaran menaati pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober ini.

Dekan Othman Yeop Abdulah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Hassan Abu Bakar, berkata kaedah itu boleh dilaksanakan sebagai penambahbaikan kepada struktur ekonomi susulan penguatkuasaan ringgit.

Beliau berkata, dengan penghapusan harga kawalan barangan, harga barangan keperluan asas yang dikawal sebelum ini seperti tepung dan bawang boleh ditentukan oleh kuasa pasaran.

"Dengan keadaan ringgit semakin mengukuh, harga barangan yang diimport daripada negara luar seperti tepung dan bawang menjadi lebih murah.

"Apabila barangan import menjadi murah, ia turut mendorong produk tempatan dalam kategori sama diturunkan harganya. Ia sekali gus boleh menurunkan harga barangan dengan kuasa pasaran menentukannya tanpa kewujudan harga



Bawang antara barangan keperluan asas ditetapkan harga kawalan.



kawalan," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa lebih banyak pembaikan kepada struktur ekonomi akan diperkenalkan dalam Belanjawan 2025.

Anwar dilaporkan menegaskan, kerajaannya juga terpaksa

mengumpul keberanian politik untuk mengambil pelbagai tindakan antaranya melaksanakan rasionalisasi subsidi walaupun berisiko menjadi tidak popular.

#### **Jitar pasaran tentukan**

"Seperti yang saya kata, kurangkan kawalan harga dan biarkan pasaran yang tentukan, sebagaimana langkah penarikan subsidi diesel, ia berjaya menampakkan pengurangan harga diesel sebanyak tiga kali.

"Kerajaan boleh melaksanakan langkah ini secara berperingkat, usaha yang lebih diperlukan untuk memastikan barang keperluan ditentukan pasaran, berdasarkan permintaan dan penawaran.

"Ini sangat bermanfaat dengan kedudukan ringgit yang bertambah baik, termasuk menyemak semula subsidi petrol dengan penguatkuasaan ringgit," katanya.

Beliau berkata, melalui kaedah itu, ia juga akan membantu daya

saing pengusaha tempatan dan pada masa sama menyumbang kepada kecekapan pasaran.

Katanya, kerajaan boleh memainkan peranan dengan memantau jika berlakunya sebarang kenaikan mendadak melalui undang-undang sedia ada seperti Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011.

Mengenai pembaikan kepada struktur ekonomi melalui Belanjawan 2025, Hassan berkata, pihaknya tidak melihat wujudnya sebarang jangkaan besar; sebaliknya dasar fiskal, iaitu perbelanjaan kerajaan dijangka berkurangan.

"Ia sekali gus menyebabkan pendapatan kerajaan akan meningkat. Saya berpandangan tidak ada sebarang dasar besar akan berlaku.

"Namun, ia lebih kepada penambahbaikan dasar sedia ada yang akan membawa kepada peningkatan pendapatan kerajaan," katanya.

Penyasaran subsidi diesel

## Dua individu mohon kebenaran semakan kehakiman

Kuala Lumpur: Dua individu memohon menamatkan kebenaran Mahkamah Tinggi untuk memulakan prosiding semakan kehakiman, bagi menalar keputusan kerajaan berhubung penyasaran subsidi diesel.

Kedua-dua individu berkenaan, Mohd Hatta Samri dan Ashani Marjan sy Abd Halim yang bertindak selaku pemohon, memfailkan permohonan kebenaran itu melalui Tuan Muzah Hussary & Ismail pada 7 September lalu di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di sini.

Mereka memfailkan Permohonan

Memori dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Menteri Perlaguam Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Arifizan Mohd Ali; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Kerajaan Malaysia selaku responden.

Mereka memohon kebenaran memfailkan permohonan semakan kehakiman terhadap keputusan kerajaan bertarikh 9 Jun lalu untuk menghapuskan dan menyasirkan subsidi diesel membabitkan penetapan harga runcit RM2.50 bagi setiap liter

berbanding harga asal RM2.15 yang berkuat kuasa dan bermula pada 10 Jun lalu hanya di Semenanjung.

Dalam permohonan itu, kedua-dua pemohon memohon, antaranya perisytiharan bahawa keputusan itu adalah tidak rasional, tidak mamadzah, tidak wajar, tidak logik, tidak adil serta tidak sah di sisi undang-undang kerana melanggar hak sama rata setiap warganegara menurut Perkara 8(3), (3), (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan.

Mereka juga memohon perisytiharan bahawa subsidi diesel

seperti harga asal RM2.15 atau harga subsidi yang lain seperti sebelum ini menurut Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1991 dan Perkara Jadual 1 Perundangan Perlesenan Kawalan Bekalan 1974 di Semenanjung Malaysia di hentikan, dikuatkuasakan dan diberikan semula kepada semua rakyat di Semenanjung.

Turut dimohon, perintah perisytiharan bahawa keputusan kerajaan itu adalah bertulis dan tidak sah di sisi undang-undang dan menyebabkan rakyat di Semenanjung menderita kesan domino semakan harga barangan

dan perkhidmatan mendadak dan tinggi.

Sehubungan itu, pemohon memohon perintah supaya kerajaan menfaham kepada mereka dan semua pengguna diesel di Semenanjung, ketidakhadiran bayaran harga diesel mengikut Formula Automatic Pricing Mechanism (APM) untuk ditaksirkan.

Mereka juga memohon kerajaan membayar ganti rugi am, ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan yang akan ditaksirkan oleh mahkamah, kepada semua rakyat Malaysia di Semenanjung.

## Datuk antara dua ditahan SPRM selewang diesel di Sarawak

**Kuching:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua individu termasuk seorang bergelar 'Datuk' kerana dipercayai memberi rasuah kepada pegawai agensi pengawal kuasa dalam kes penyelewengan diesel bersewasti di Sibu.

Sumber berkata, kedua-dua suspek lelaki dan wanita berusia

lingkungan 50-an itu dipercayai memberi rasuah kepada beberapa pegawai kuasa sebagai ganjaran tidak mengambili tindakan undang-undang terhadap syarikat tempat mereka bekerja yang dipercayai menyeleweng diesel bersewasti.

"Kedua-dua suspek lelaki dan wanita itu masing-masing ber-

jewinan sebagai pengawal dan pengarah sebuah syarikat yang menguruskan pembelian dan penjualan diesel bersewasti.

"Mereka disyaki menyeleweng minyak diesel bersewasti dengan menyalah dan menjual kepada pihak luar serta bagi melindungi kegiatan itu. Mereka dipercayai memberi wang rasuah kepada be-

berapa pegawai kuasa," katanya.

Menurut sumber, seorang suspek ditahan di Pejabat SPRM Cawangan Sibu, manakala seorang lagi ditahan di sebuah pusat perubatan di daerah ini semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamarudin ketika dihubungi mengesah-

kan tangkapan itu.

"Kes itu disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009. Kedua-dua suspek bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan SPRM dan dikehendaki membayar wang jaminan RM50,000 tunai dan RM50,000 tanpa deposit dengan seorang penjamin," katanya.

# Kos tinggi: Peniaga sukar teruskan Menu Rahmah

Oleh **ARIF AJMAN ASROL**  
aman.astro@rediffmail.com.my

**PETALING JAYA:** Tawaran Menu Rahmah semakin 'tenggelam' kerana peniaga dan penaja kecil makanan tidak lagi mampu menanggung kos operasi untuk sama-sama membantu kerajaan meringankan beban rakyat.

Presiden Gabungan Persatuan Peniaga dan Penaja Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, sekiranya penyediaan Menu Rahmah terus dilakukan mereka akan mendatangkan kerugian yang tidak boleh ditanggung.

Kata beliau, pihaknya sudah melakukan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk memperkasa Menu Rahmah serta supaya peniaga dan penaja kecil dapat terus menawarkan program tersebut kepada pelanggan.

Bagaimanapun, katanya, cadangan dituturkan kepada Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh tidak diberi perhatian sehingga menyebabkan kumpulan peniaga dan penaja kecewa.

"Kami sudah memberi cadangan kepada Timbalan Menteri sekiranya kerajaan dan KPDN berhasrat ingin mengekalkan Menu Rahmah iaitu perlu memberi subsidi kepada masyarakat peniaga dan penaja kecil.

"Kami merupakan satu 'anchor' (sasu) yang boleh kita mewartakan Menu Rahmah masih wujud tetapi dengan syarat KPDN perlu menggunakan sistem kad yang kami sudah buat untuk beri pada peniaga dan penaja kecil," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Beliau yang merujuk Kad Pri-



**TAWARAN Menu Rahmah semakin 'tenggelam' kerana para peniaga terpaksa bergelut dengan kos operasi tinggi melibatkan bahan mentah yang semakin mahal.**

hatin Penaja dan Penaja Malaysia itu berkata, kad tersebut sudah mendapat kerjasama beberapa pihak termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop).

"Kita buat ini sebab mahu bantu kerajaan mengekalkan Menu Rahmah tetapi jika terus macam ini saya nampak program tersebut akan tenggelam kerana kita tidak mampu mahu teruskan menu serendah RM5," katanya.

Terdahulu, kerajaan memperkenalkan Menu Rahmah dengan harga serendah RM5 untuk membantu semua rakyat tanpa mengira kumpulan pendapatan mahupun taraf kehidupan.

Namun, inisiatif diperkenalkan Menteri KPDN, Allah-

yarham Datuk Seri Salahuddin Ayub sejak awal tahun 2023 lalu dilibat semakin sepi.

Kerajaan pada 29 Mac 2023 memaklumkan bahawa mereka tidak bercadang memberi sebarang insentif atau subsidi kepada mana-mana pengusaha Menu Rahmah.

Sebaliknya, kerajaan akan membantu pengusaha-pengusaha yang terlibat dari segi promosi melalui platform media dan portal Menu Rahmah.

Mengulas lanjut, Rosli berkata, kerajaan tidak seharusnya menyuruh peniaga membuat Menu Rahmah tanpa meraih sebarang keuntungan.

"Antara sebab Menu Rahmah ini gagal adalah kerana masyarakat peniaga kecil ini

tidak diberi subsidi, yang ada di KPDN tidak disalurkan kepada kami," jelasnya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib berkata, beliau masih menawarkan Menu Rahmah di 20 buah restorannya.

Katanya, sambutan Menu Rahmah daripada pelanggan masih baik terutama ketika waktu hujung bulan.

Dalam pada itu, Fuziah menafikan Menu Rahmah sudah semakin tenggelam tetapi masih mendapat sokongan padu.

Katanya, kerajaan mahu membantu peniaga dengan memberikan insentif supaya menjadi inisiatif menang-menang.

## MBDA aktif promosi produk tempatan

**KUALA LUMPUR** – Malaysian Bumiputra Designers Association (MBDA) dengan sokongan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2024 bermula semalam.

Kempen anjuran kali keempat selama sebulan itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kualiti barangan buatan tempatan yang mampu bersaing dengan produk antarabangsa.

Pengasas MBDA, Bon Zainal Harun berkata, kempen itu juga adalah untuk menunjukkan sokongan kepada perniagaan dan produk tempatan

serta mendorong mereka meningkatkan kreativiti dan mutu produk keluaran masing-masing.

"Kempen ini juga mendorong penggunaan produk yang beretika dan menyumbang kepada pembangunan mampan serta kesejahteraan sosial," katanya pada majlis pelancaran kempen tersebut di sini semalam..

Bon Zainal menerangkan, sepanjang kempen tersebut pelbagai aktiviti telah di susun untuk memeriahkan lagi kempen tersebut.

Antaranya adalah pertunjukan fesyen yang diketengahkan oleh 30 pereka fesyen tempatan, Forum Fesyen dan juga aktiviti melukis batik.



**BON ZAINAL** (dua dari kiri) pada majlis pelancaran KBBM di Petaling Jaya semalam.

# Tipu buat bisnes

Kilang proses produk kecantikan guna logo halal tidak sah kena kompaun RM60,000

Oleh Zuliaty Zulkiffli  
 am@hmetro.com.my

**Akar Setar**

**K**ilang memproses produk kecantikan di Pokok Sena di sini, yang pernah diserbu pada 19 Jun lalu dikompaun RM60,000 selepas didapati menggunakan logo halal tidak sah pada produk dikeluarkan tanpa mendapat kebenaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK).

Penemuan kesalahan itu hasil operasi bersepadu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah bersama Bahagian Pengura-

san Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK).

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, serbuan itu membabitkan nilai rampasan keseluruhan sebanyak RM1.3 juta.

Beliau berkata, hasil serbuan lanjut dijalankan, timbalan pendakwa raya bersetuju wujud pelanggaran mengikut Perenggan 4(1)(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2013 iaitu semua makanan dan be-

rang tidak boleh diperibadikan sebagai halal atau diperihalkan dengan cara lain untuk menunjukkan makanan atau barang itu boleh dimakan atau digunakan orang Islam melainkan jika diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwajib.

"Pelanggaran perenggan ini membawa kepada suatu kesalahan mengikut Perenggan 8(a) Perintah yang sama.

"Pihak syarikat dikenakan kompaun RM60,000," katanya.

**"Pelanggaran perenggan ini membawa kepada suatu kesalahan mengikut Perenggan 8(a) Perintah yang sama"**

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin



PREMS terbahit dipercayai menggunakan logo halal palsu pada setiap label pek bungkusan di pelbagai jenis produk kecantikan syarikat.

Sehubungan itu, KPDN memberi amaran keras kepada semua pihak supaya tidak sewenang-wenangnya menggunakan logo halal tanpa kebenaran daripada pihak berwajib dan sentiasa mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan dan menegaskan bahawa Kementerian Odak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang tertabit.

"Untuk sebarang aduan, pengguna boleh menyalurkan maklumat kepada Pejabat KPDN dengan menyebarkan sebarang kegiatan yang mencurigakan melalui

Portal e-aduan 2.0 <http://aduan.kpdn.gov.my> atau Call Centre 1-800-886-800 atau e-mail [e-aduan@kpdn.gov.my](mailto:e-aduan@kpdn.gov.my) dan Aplikasi EZ ADU KPDN.

"Selain itu, maklumat boleh diwariskan kepada Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 01-88826088/6245 atau WhatsApp 019-848 8000 dan 019-279 4317 dan Pejabat KPDN Kedah 04-7001795," katanya.

Harian Metro pada 20 Jun lalu melaporkan sebuah kilang memproses produk kecantikan di Pokok Sena diserbu dalam operasi bersepadu pada 19 Jun lalu kerana dipercayai menggunakan logo halal palsu membabitkan rampasan lebih RM1.3 juta.

Hasil pemeriksaan mendapati premis itu bukan memegang sijil halal yang diperakukan oleh pihak berkuasa berwajib sama ada Jakim atau Majlis Agama Islam Negeri (Majlis).

Pemeriksaan lanjut di dalam premis mendapati premis ini dipercayai menggunakan logo halal palsu pada setiap label pek bungkusan di pelbagai jenis produk kecantikan syarikat terbahit.



## Over 1,300 cases of raw materials smuggled nationwide

**TUMPAT:** The Marine Police Force (PPM) recorded a total of 1,336 cases of smuggling of raw materials like cooking oil, diesel and flour, with the value of seizures estimated at RM193.4mil from 2022 to September this year nationwide.

Bukit Aman PPM Commander SAC Norzaid Muhammad Said said all the cases were investigated under the Control of Supplies Act 1961.

He said as of September, the PPM recorded the highest estimated value of seizures at RM82.3mil, followed by RM71.7mil in 2022 and RM39.3mil in 2023.

He added that the PPM Region Three of Pengkalan Kubor here had recorded 506 cases during the same period with the value of seizures estimated at nearly RM6mil, *Bernama* reported.

"The biggest seizure by PPM Region Three was in 2022, with an

estimated value of RM3.5mil, followed by RM1.03mil in 2023 and RM1.4mil as of September this year," he told reporters after the PPM Strategic Collaboration with the Enforcement Division of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) meeting here yesterday.

Norzaid said inter-agency collaboration was crucial in ensuring more effective implementation of action during operations

and the prosecution process, especially under the Control of Supplies Act 1961.

According to him, aspects of enforcement and strategic collaboration in tackling the issue of leakages of controlled items, especially at the country's borders and waters, need to be implemented as best as possible and in line with the government's policies that target subsidies for the intended groups.

## PPM rekod lebih 1,000 kes seludup barang kawalan

TUMPAT: Pasukan Polis Marin (PPM) merekodkan 1,336 kes penyeludupan barang kawalan seperti minyak masak, diesel dan tepung gandum dengan nilai rampasan dianggarkan RM193.4 juta bagi tempoh 2022 hingga September lepas di seluruh negara.

Komander PPM Bukit Aman SAC Norzaid Muhammad Said berkata kesemua kes berkenaan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata setakat September tahun ini PPM merekodkan rampasan dengan anggaran nilai tertinggi iaitu RM82.3 juta, diikuti RM71.7 juta pada 2022 dan RM39.3 juta pada 2023.

"Dalam tempoh yang sama PPM Wilayah 3 Pengkalan Kubor telah merekodkan 506 kes dengan anggaran nilai rampasan hampir RM6 juta.

"Rampasan terbanyak (PPM Wilayah 3) ialah pada 2022 dengan anggaran nilai RM3.5 juta, diikuti RM1.03 juta pada dan RM1.4 juta setakat September lepas," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Kerjasama Strategik PPM Bersama Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sini, Selasa.

Mengulas lanjut, Norzaid berkata kerjasama antara agensi amat penting bagi memastikan pelaksanaan tindakan semasa operasi dan proses pendakwaan lebih berkesan terutamanya di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata aspek penguatkuasaan dan kerjasama strategik dalam menangani isu ketirisan barang kawalan terutama di sempadan dan perairan negara perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin seiring dengan dasar penyasaran subsidi oleh kerajaan.

Sementara itu, mengenai keberhasilan kes melibatkan kerjasama antara PPM dan KPDN sejak 2022 hingga September lepas beliau berkata sebanyak 127 kes direkodkan dengan nilai rampasan hampir RM4 juta.

Norzaid berkata operasi terbaru mem-babitkan PPM dan KPDN ialah pada 1 hingga 7 Okt lepas dengan lapan kes direkodkan melibatkan nilai rampasan sebanyak RM80,000 meliputi 1,675 liter petrol, 850 kilogram minyak masak dan lapan kenderaan. - Bernama



**OPERASI:** Pegawai penguat kuasa KPDN Sabah menjalankan pemeriksaan minyak masak peket dan gula pasir kasar yang dirampas.

## Stor simpan minyak masak bersubsidi diserbu

KPDN sita 8,177 kilogram minyak masak peket pelbagai jenama dan 48 kilogram gula pasir kasar

**Oleh Hannah Samadin**

**KOTAKINABALU:** Sebuah rumah di Taman Hings, Jalan Kobusak, di sini yang dipercayai dijadikan stor penyimpanan minyak masak bersubsidi diserbu pihak berkuasa menerusi Ops Tiris, Ahad lepas.

Serbu itu dijalankan kira-kira jam 7 malam oleh sepasukan pegawai penguat kuasa dari Ibu Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah hasil daripada maklumat awam.

Pengarah KPDN Sabah, Georgie Abas berkata hasil daripada risikan yang dijalankan mendapati aktiviti penyimpanan dan penjualan minyak masak peket bersubsidi ini dijalankan di lokasi berkenaan.

Susulan itu, katanya penyamaran dilakukan oleh pegawai penguat kuasa dengan cara menjadi pelanggan dan telah dirampas oleh penjual untuk datang ke alatan yang

diberikan melalui aplikasi WhatsApp.

"Serbu dilakukan serentak ketika transaksi jual beli berlaku dan hasil pemeriksaan lanjut menemui minyak masak peket satu kilogram bersubsidi pelbagai jenama. Turut ditemukan gula pasir kasar satu kilogram yang disimpan di kawasan kaki lima rumah serta ruang tamu rumah berkenaan," katanya dalam kenyataan media, pada Isnin.

Georgie berkata, hasil pemeriksaan lanjut menemui minyak masak peket satu kilogram pelbagai jenama dianggarkan sebanyak 8,177 kilogram manakala gula pasir kasar satu kilogram sebanyak 48 kilogram.

"Semua minyak masak peket dan gula pasir kasar seterusnya disita bagi tujuan siasatan lanjut kerana penjaja premis yang ditemukan gagal menunjukkan sebarang dokumen atau kebenaran daripada KPDN.

"Nilai sitaan keseluruhan

berjumlah RM20,579.30 dan seorang penjaja premis lelaki warga tempatan berusia 27 tahun ditahan bagi tujuan membantu siasatan," katanya.

Menurutnya, kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memilikii barang kawalan dengan tujuan untuk melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Sementara itu, katanya KPDN Sabah akan terus menjalankan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan ke atas semua kegiatan berkaitan barang kawalan di negeri ini.

"Langkah ini supaya tidak berlaku sebarang bentuk penyelewengan terhadap barang kawalan berkenaan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai sebarang aktiviti yang melanggar perundangan itu boleh menyalurkan aduan kepada KPDN melalui saluran aduan yang disediakan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 9 OKTOBER 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Oct	8,177 kg of subsidised cooking oil seized in Kota Kinabalu	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/8177-kg-of-subsidised-cooking-oil-seized-in-kota-kinabalu-ML13095669">https://thesun.my/malaysia-news/8177-kg-of-subsidised-cooking-oil-seized-in-kota-kinabalu-ML13095669</a>	THE SUN
9-Oct	KPDN rampas 8,177 minyak masaka paket bersubsidi di Kota Kinabalu	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-rampas-8-177-minyak-masak-paket-bersubsidi-di-kota-kinabalu">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-rampas-8-177-minyak-masak-paket-bersubsidi-di-kota-kinabalu</a>	BERITA RTM
9-Oct	Ministry of Domestic Trade and Cost of Living confiscates subsidised cooking oil and sugar in raid	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/243379/ministry-of-domestic-trade-and-cost-of-living-confiscates-subsidised-cooking-oil-and-sugar-in-raid/">https://www.dailyexpress.com.my/news/243379/ministry-of-domestic-trade-and-cost-of-living-confiscates-subsidised-cooking-oil-and-sugar-in-raid/</a>	DAILY EXPRESS
9-Oct	Dua kapal, lori tangki muatan 27,000 liter diesel dirampas	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/dua-kapal-lori-tangki-muatan-27000-liter-diesel-dirampas/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/dua-kapal-lori-tangki-muatan-27000-liter-diesel-dirampas/</a>	UTUSAN MALAYSIA
9-Oct	1,000 at Sandakan Madani Sales event	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/243395/1-000-at-sandakan-madani-sales-event/">https://www.dailyexpress.com.my/news/243395/1-000-at-sandakan-madani-sales-event/</a>	DAILY EXPRESS
9-Oct	Diesel sales in border areas drop nearly 50pc	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1116701/diesel-sales-border-areas-drop-nearly-50pc">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1116701/diesel-sales-border-areas-drop-nearly-50pc</a>	NEW STRAITS TIMES
9-Oct	Polis Marin rekod lebih 1,000 kes seludup barang kawalan di seluruh negara	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/08/polis-marin-rekod-lebih-1000-kes-seludup-barang-kawalan-di-seluruh-negara/">https://malaysiagazette.com/2024/10/08/polis-marin-rekod-lebih-1000-kes-seludup-barang-kawalan-di-seluruh-negara/</a>	MALAYSIA GAZETTE
9-Oct	POLIS MARIN REKOD LEBIH 1,000 KES SELUDUP BARANG KAWALAN DI SELURUH NEGARA	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2349334">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2349334</a>	BERNAMA
9-Oct	Marine Police record over 1,000 cases of smuggling of raw materials nationwide	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/10/08/marine-police-record-over-1000-cases-of-smuggling-of-raw-materials-nationwide/152995">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/10/08/marine-police-record-over-1000-cases-of-smuggling-of-raw-materials-nationwide/152995</a>	MALAY MAIL
9-Oct	Guna logo halal tidak sah, syarikat produk kecantikan dikompauun RM60,000	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/guna-logo-halal-tidak-sah-syarikat-produk-kecantikan-dikompauun-rm60000/">https://www.buletintv3.my/nasional/guna-logo-halal-tidak-sah-syarikat-produk-kecantikan-dikompauun-rm60000/</a>	BULETIN TV3